



Waktu  
**MUSTAJAB**  
untuk berdoa  
di hari **Jum'at**

"Di hari Jumat terdapat suatu waktu, di mana jika ada seorang hamba muslim yang memanjatkan doa kepada Allah bertepatan dengan waktu tersebut, Allah akan memberi apa yang dia minta.

\*Waktu itu adalah setelah asar".  
(H.R. Ahmad 7631)

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

في يَوْمِ الْجُمُعَةِ سَاعَةٌ، لَا يُؤَافِقُهَا مُسْلِمٌ، وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي يَسْأَلُ اللَّهَ خَيْرًا إِلَّا أَعْطَاهُ

*Maksudnya: "Pada hari Jumaat ini ada satu masa yang sekiranya ditepati oleh seorang muslim dalam keadaan dia bersolat meminta sesuatu daripada Allah SWT, pasti Allah SWT akan memperkenankan permintaanya itu". [Riwayat al-Bukhari (6400)]*

Melihat kepada hadith di atas, kita memahami bahawa Allah SWT telah meletakkan satu tempoh masa yang sangat istimewa pada hari Jumaat iaitu setiap permintaan hamba-hambanya akan dikabulkan pada waktu tersebut.

### **Pendapat ulama' dalam memahami hadith tersebut**

Dalam masalah ini, terdapat beberapa pendapat yang dinyatakan oleh para ulama' sebagaimana yang disebut oleh Imam al-Nawawi berdasarkan pendapat al-Qadhi ketika mensyarahkan hadith ini di dalam sahih Muslim, antaranya: [*Lihat: al-Minhaj Syarah Muslim, 140/6*]

- Pertama: Waktunya adalah ketika khatib duduk di atas mimbar sehingga selesai solat. Pendapat ini disokong dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Musa al-Asy'ari.
- Kedua: Waktunya adalah selepas asar sehingga terbenamnya matahari.
- Ketiga: Waktunya adalah ketika solat didirikan sehingga ia selesai.
- Keempat: Waktunya apabila imam keluar sehingga selesainya solat.

Di sana terdapat beberapa lagi pendapat yang lain sebagaimana yang dinyatakan Ibn al-Qayyim di dalam karyanya iaitu sebanyak 11 pendapat.

### **Pendapat Ulama' Dalam Masalah Ini**

Setelah melihat pendapat di atas, suka bagi kami untuk mendatangkan sedikit perbincangan yang dinyatakan oleh Ibn

Qayyim al-Jauziyyah di dalam kitabnya *Zad al-Ma'ad* dalam menentukan waktu yang mustajab ini:

Dalam masalah ini, terdapat dua pendapat yang kuat dan keduanya bersandar pada hadith Nabi SAW.

**Pendapat Pertama:** Waktu yang dimaksudkan adalah ketika khatib duduk di atas mimbar sehingga selesainya solat, berdasarkan hadith sahih yang diriwayatkan oleh Abu Musa al-Asy'ari.

- Daripada Abu Musa al-Asy'ari bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda apabila beliau ditanya oleh Ibn Umar tentang waktu yang mustajab tersebut:

أَسْمَعَتْ أَبَاكَ يُحَدِّثُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي شَأْنِ سَاعَةِ الْجُمُعَةِ شَيْئًا؟ قَالَ: نَعَمْ سَمِعْتُهُ يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "هِيَ مَا بَيْنَ أَنْ يَجْلِسَ الْإِمَامُ إِلَى أَنْ تُقْضَى الصَّلَاةُ".

*Maksudnya: Adakah kamu pernah mendengar ayahmu meriwayatkan hadith daripada Rasulullah SAW berkenaan satu waktu (mustajab) pada hari Jumaat? ". "Ya, aku pernah mendengarnya". Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Ia adalah di antara duduknya imam sehingga selesainya solat didirikan". [Riwayat Muslim (853)]*

Pendapat ini juga mempunyai beberapa lagi hadith yang menyokong pendapat bahawa waktu mustajab tersebut adalah ketika khatib duduk di atas mimbar sehingga selesainya solat.